

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menjawab soalan bagi Tanjong Malim dan Ipoh Timur pada 9 April 2014.

Buat masa ini, pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah melantik Juru Perunding iaitu Tetuan Terrain Resources Sdn. Bhd. untuk membuat kajian bagi mengatasi masalah teknikal di landasan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh. Kajian telah bermula pada 2 Januari 2014 dan akan mengambil masa empat (4) bulan untuk disiapkan. Laporan Awalan Kajian mendapati landasan masih boleh digunakan tetapi terhad kepada kapal udara kod 3C seperti ATR-72.

Penentuansamaada kapal udara yang lebih besar boleh mendarat bergantung kepada laporan penuh hasil kajian tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 3 APRIL 2014

SOALAN :

DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan dan SPR bagi menghalang Ahli Parlimen dan ADUN meletak jawatan tanpa sebab munasabah. Apakah cadangan-cadangan hukuman ke atas kes-kes seperti ini contohnya dengan meminda Akta Pilihan Raya sekiranya perkara ini masih dibenarkan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR melaksanakan fungsi-fungsinya berlandaskan kepada kerangka undang-undang negara yang sedang berkuat kuasa sekarang seperti berikut;

- (a) Perlembagaan Persekutuan (Perkara 113-120);
- (b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- (c) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19);
- (d) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981;
- (e) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002; dan
- (f) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Berhubung cadangan Yang Berhormat agar Kerajaan membuat pindaan undang-undang bagi mengenakan tindakan terhadap mana-mana wakil rakyat yang meletakkan jawatan tanpa sebab munasabah, Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal (6) Perkara 48 telah menyatakan bahawa seseorang yang meletakkan jawatan akan hilang

kelayakan untuk bertanding selama lima tahun bermula dari tarikh perlepasan jawatannya berkuat kuasa.

Peletakan jawatan yang dimaksudkan adalah peletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat berdasarkan kepada Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan dan sebagai Ahli Dewan Negeri berdasarkan kepada Undang-undang Tubuh Negeri. Oleh itu Akta Pilihan Raya 1958 tidak boleh melarang seseorang ahli dewan meletak jawatan atas kemahuannya sendiri kerana ini akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri, Oleh yang demikian, Kerajaan merasakan undang-undang sedia ada masih sesuai untuk diteruskan bagi menghalang Ahli Parlimen serta Ahli Dewan Undangan Negeri daripada meletakkan jawatan tanpa sebab munasabah.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan lelaki Melayu yang bermastautin di kawasan luar bandar dengan memberi pecahan umur (21-30 tahun, 31-40 tahun, dan seterusnya) dengan punca utama pendapatan mereka (kakitangan kerajaan, pekerja ladang, petani, nelayan, pekerja kilang, perniagaan, dsb) untuk tiap kategori umur.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, bilangan lelaki Melayu dalam kategori bekerja berumur 21 – 64 tahun yang bermastautin di kawasan luar bandar adalah **954,126 orang**. Pecahannya mengikut kumpulan umur mencatatkan **21-30** tahun seramai **284,441** orang (29.8%), **31-40** tahun **225,527** orang (23.6%), **41-50** tahun **232,408** orang (24.4%), **51-60** tahun **171,026** orang (17.9%) dan selebihnya **61-64** tahun **40,724** orang (4.3%). Pecahan mengikut taraf pekerjaan mereka didapati majoritinya adalah **bekerja sendiri** 337,012 orang (35.3%), **pekerja swasta** 331,239 orang (34.7%) dan **penjawat awam** 166,746 orang (17.5%).

Sekian. Terima kasih.